

TARIKH	19 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	44	RUANGAN	Sabak Bernam

'Jaga nama baik negara'

Bakal jemaah haji diingatkan patuhi peraturan pihak berkuasa

SABAK BERNAM -- Bakal jemaah haji diingatkan supaya menumpukan perhatian memunaikan ibadah dan mematuhi arahan pemerintah kerajaan Arab Saudi semasa menunaikan Rukun Islam kelima berkenaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Noriah Kasnon berkata, bakal jemaah haji seharusnya tidak terdorong hasutan ber-demonstrasi sehingga menjejaskan amal ibadah mereka.

"Jangan sesekali mengikut kumpulan tertentu yang dengan sengaja menimbulkan ketegangan antara kerajaan kita dengan kerajaan Arab Saudi."

"Ketepikan fahaman politik ekstrem atau tinggalkan sahaja ideologi kita di sini supaya tidak terbawa-bawa di sana nanti dan apa yang penting ikutlah semua aturan yang dibuat oleh Lembaga Tabung Haji, katanya pada Majlis Penutup



NORIAH

Kursus Haji Bersiri Seluruh Daerah Sabak Bernam anjuran Lembaga Tabung Haji, di sini.

Pada masa sama Noriah berkata, Malaysia antara negara yang masih mengekalkan kos perbelanjaan haji sejak 10 tahun lalu.

"Jika dulu, hendak ke Mekah, perlu menaiki kapal laut yang mengambil masa berbulan untuk sampai, namun kini dengan hanya meng-



Antara bakal haji yang menamatkan Kursus Haji Bersiri Seluruh Daerah Sabak Bernam anjuran Lembaga Tabung Haji berkenaan.

ambil lebih kurang lapan jam dengan penerbangan.

"Walaupun kos semakin

meningkat termasuk tambang kapal terbang, kerajaan tetap mengenakan kadar sama,"

katanya.

Sementara itu, menurutnya, Lembaga Tabung Haji

memainkan peranannya menyimpan tabung pemegang akaun walaupun hanya dimulakan dengan RM2 dan bukan saja sedekat memberikan peluang menabung unti ke Mekah malah memberi pelbagai imbuhan.

"Lembaga Tabung Haji juga adalah pilihan yang tepat sebagai pemegang amanah jika dibandingkan dengan beberapa masalah jika menggunakan khidmat swasta antaranya ada yang kita dengar ramai juga yang tersangkut di lapangan terbang, masalah visa dan lain-lain," katanya.

Sinar Harian difahamkan kira-kira 600 jemaah Sabak Bernam akan bersama 2600 lagi jemaah haji Malaysia yang diberikan kuota oleh Kerajaan Arab Saudi.

Sementara itu, lebih dari pada 93,000 jemaah menanti giliran tidak termasuk pen- deposit baru.